



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kumpulan Wang Amanah Negara 1987
DR.17/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1987. Tajuk ringkas.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri Kewangan;

“OECD” ertinya Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi;

“Panel” ertinya Panel Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“sekuriti” termasuklah saham, wang, syer dan bon, dan debentur dan lain-lain suratcara yang mewujudkan atau membuktikan suatu gadaian atau lien pada aset.

Kumpulan
Wang
Amanah
Negara.
Akta 61.

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Negara yang hendaklah dinyatakan dalam dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua kepada Akta Prosedur Kewangan 1957.

(2) Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan oleh Panel yang ditubuhkan di bawah seksyen 4.

(3) Bank Negara Malaysia hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal-ehwal Kumpulan Wang.

Panel
Kumpulan
Wang
Amanah
Negara.

4. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu panel pemegang amanah yang dikenali sebagai Panel Kumpulan Wang Amanah Negara.

(2) Pemegang-pemegang amanah hendaklah dilantik oleh Menteri dan hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang pegawai Kementerian Kewangan;
- (c) seorang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri; dan
- (d) dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan.

(3) Panel hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas sebagaimana yang diberikan atau dipertanggungkan oleh Akta ini atau sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri dan boleh melalui suratcara bertulis mewakili kepada mana-mana orang segala atau mana-mana kuasa dan tugas itu.

(4) Maka bolehlah dibayar kepada setiap anggota Panel daripada Kumpulan Wang itu apa-apa elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(5) Tertakluk kepada Akta ini, Panel hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan kuasa untuk mengawalselia prosidingnya.

(6) Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Panel hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

*N.M.B.
Bab 45.*

5. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta Prosedur Kewangan 1957, maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang—

Wang-wang yang dikehendaki dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

- (a) wang yang dari semasa ke semasa diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kepada dan bagi maksud-maksud Kumpulan Wang;
- (b) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh Petroliaam Nasional Berhad kepada Kumpulan Wang;
- (c) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh mana-mana Negeri di Malaysia yang mendapat apa-apa bentuk royalti daripada pengeksplotasian petroleum atau lain-lain sumber menyusut;
- (d) segala wang daripada apa-apa pelaburan Kumpulan Wang;
- (e) segala pemberian, dermaan, endowmen, alang, sumbangan dan bekues sebagaimana yang dibuat kepada atau untuk faedah Kumpulan Wang; dan
- (f) apa-apa sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa yang perniagaannya termasuklah penyelidikan atau pemajuan sesuatu sumber menyusut.

(2) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa sumbangan di bawah perenggan (b) dan (f) subseksyen (1) bolehlah dibuat dalam setiap

tahun kewangan daripada keuntungan Petroliam Nasional Berhad, mana-mana orang atau pihak berkuasa yang sedemikian itu.

Penggunaan
wang
Kumpulan
Wang.

6. Wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang boleh, selepas tamatnya tempoh sepuluh tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, dan dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Menteri, digunakan bagi maksud-maksud yang berikut:

Akta 70/66.

(a) mana-mana daripada maksud-maksud Kumpulan Wang Pembangunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966; dan

(b) pemberian pinjaman atau pendahuluan mengikut terma-terma konsesi kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia.

Pelaburan
wang
Kumpulan
Wang.

7. (1) Panel boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang—

(a) sebagai deposit di mana-mana bank, di dalam atau di luar Malaysia, dalam apa-apa matawang termasuk ringgit;

(b) dalam mana-mana daripada pelaburan-pelaburan yang dibenarkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 atau Akta Pelaburan Pemegang Amanah 1965;

(c) dalam sekuriti-sekuriti dengan kadar bunga tetap atau boleh berubah dalam apa-apa matawang termasuk ringgit yang dikeluarkan atau akan dikeluarkan oleh Malaysia, mana-mana negara asing yang menjadi anggota OECD, mana-mana institusi di mana sekuriti-sekuriti itu dijamin penuh oleh mana-mana negara yang menjadi anggota OECD, atau mana-mana institusi kewangan antarabangsa:

Akta 208.

Akta 36/65.

Dengan syarat bahawa tempoh kematangan mana-mana sekuriti sedemikian yang diperingkatkan nilainya dalam matawang asing tidaklah boleh melebihi sepuluh tahun;

- (d) dalam suratcara pasaran wang, termasuklah bil perbendaharaan, penerimaan jurubank dan perakuan deposit dalam apa-apa matawang termasuk ringgit dengan tempoh-tempoh kematangan tidak melebihi satu tahun;
- (e) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia;
- (f) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada mana-mana pihak berkuasa atau perbadanan awam yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalamnya;
- (g) dalam pendahuluan-pendahuluan bagi maksud membantu pencarigalian dan pemajuan mineral-mineral dan penanaman, pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran utama kepada—
 - (i) mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Persekutuan; dan
 - (ii) mana-mana koperasi yang melibatkan diri dalam kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan;
- (h) dalam logam-logam berharga termasuk emas, perak, platinum dan paladium; dan
- (i) sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Menteri.

(2) Dalam memberikan apa-apa kebenaran di bawah seksyen ini Menteri boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Jumlah pelaburan yang disebut dalam perenggan (f) dan (g) subseksyen (1) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi dua puluh peratus daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang.

(4) Pelaburan-pelaburan yang disebut dalam perenggan (e) subseksyen (1) tidaklah boleh pada bila-bila masa melebihi lima peratus daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang.

Fee
pentadbiran

8. Apa-apa kos, perbelanjaan atau lain-lain pembayaran yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pentadbiran Kumpulan Wang hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

Kuasa
Menteri
berhubungan
dengan
Panel.

9. (1) Menteri boleh memberi kepada Panel apa-apa arahan bersifat am yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini yang ada hubungan dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Panel hendaklah melaksanakan segala arahan itu.

(2) Panel hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa penyata, akaun dan lain-lain maklumat berkenaan dengan aset dan aktiviti Kumpulan Wang sebagaimana yang dikehendakinya dari semasa ke semasa.

Tahun
kewangan.

10. Bagi maksud-maksud Akta ini, tahun kewangan Kumpulan Wang hendaklah bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember bagi setiap tahun.

Akaun dan
audit.

11. (1) Panel hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun dan lain-lain rekod yang sempurna berkenaan dengan perjalanan Kumpulan Wang dan hendaklah menyediakan penyata-penyata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan.

(2) Panel hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangannya, menyebabkan akaun Kumpulan Wang diauditkan oleh Ketua Audit Negara.

(3) Pada akhir setiap tahun kewangan dan sebaik sahaja akaun Kumpulan Wang telah diauditkan, Panel hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun itu dikemukakan kepada Menteri, berserta dengan satu salinan pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atas mana-mana penyata akaun atau atas akaun-akaun amnya.

12. Panel hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh haribulan April dalam setiap tahun, menyebabkan dibuat dan dikemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai pelaburan-pelaburan Kumpulan Wang di sepanjang tahun kewangan yang terdahulu dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan polisi Panel sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa. Laporan tahunan.
13. Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan akaun teraudit tahunan di bawah seksyen 11 dan laporan tahunan di bawah seksyen 12 yang diterima olehnya dibentangkan dalam setiap Majlis Parlimen. Akaun teraudit dan laporan tahunan hendaklah dibentangkan dalam Parlimen.
14. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan dengan lebih baik lagi peruntukan-peruntukan Akta ini. Kuasa membuat peraturan-peraturan.
15. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 dan mana-mana peraturan yang dibuat dan arahan-arahan yang dikeluarkan di bawahnya hendaklah terpakai bagi Kumpulan Wang. Peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 hendaklah terpakai.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara mengikut undang-undang dan membentuk suatu panel pemegang amanah yang dikenali sebagai Panel Kumpulan Wang Amanah Negara untuk mentadbirkan Kumpulan Wang. Bank Negara Malaysia akan bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal-ehwal Kumpulan Wang.

2. *Fasal 3* dan *4* masing-masingnya memperkatakan tentang penubuhan Kumpulan Wang dan Panel.
3. *Fasal 5* memperuntukkan mengenai wang yang akan dibayar ke dalam Kumpulan Wang dan *fasal 6* memperkatakan tentang penggunaan wang itu.
4. Wang-wang Kumpulan Wang boleh dilaburkan mengikut *fasal 7 (1)*.

5. *Fasal 7 (3) dan 7 (4)* menetapkan had bagi amaun aset boleh dilupuskan Kumpulan Wang yang boleh diletakkan dalam pelaburan yang dibuat mengikut *fasal (1) (e), (f) dan (g)*.
6. *Fasal 9 dan 14* masing-masingnya memberi kuasa kepada Menteri untuk memberikan arahan kepada Panel dan untuk membuat peraturan-peraturan.
7. *Fasal 8, 10, 11, 12, dan 13* masing-masingnya memperkatakan tentang fee pentadbiran, tahun kewangan, akaun dan audit, laporan tahunan dan kehendak dibentangkan akaun dan laporan itu dalam setiap Majlis Parlimen.
8. *Fasal 15* memperuntukkan mengenai pemakaian peruntukan-peruntukan Akta Prosedur Kewangan 1957 melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Rang Undang-Undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Di bawah *fasal 5 (1) (a)* Rang Undang-Undang, wang-wang boleh, dari semasa ke semasa, diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang. Selain dari itu, Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1448.]